

# Entech UMT galak bawa bekas makanan sendiri

SH 30/3/09 PS.T8



● Penuntut Entech UMT bergambar bersama penduduk selepas menjayakan Program Gotong-royong Sapu Bersih di Kampung Telaga Batin.

**SEBERANG TAKIR** – Kelab Teknologi Alam Sekitar (Entech) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kini giat menjalankan usaha memberi kesedaran kepada masyarakat supaya sentiasa peka isu membabitkan alam sekitar.

Timbalan presidennya, Erewan Effenddy Asnawi berkata, formula dengan membawa bekas makanan sendiri ketika membuat pembelian di luar yang kini diterapkan dalam kalangan penuntut kini diharap mampu

menambahkankesedaran masyarakat untuk bersikap mesra alam sekitar (environmental friendly).

"Kami akan meluaskan usaha untuk mendidik penuntut supaya membawa bekas makanan dari rumah agar mampu mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada pembungkus makanan iaitu bekas makanan polistirena (the white coffins).

"Walaupun tahap penerimaan mereka (penuntut) dilihat masih kurang memberangsangkan, na-

mun itu bukan bererti akan mematahkan semangat kami untuk meneruskan lagi usaha bagi memberi kesedaran terutamanya dalam kalangan peniaga itu sendiri," katanya kepada **Sinar Harian** ketika ditemui pada Program Gotong-royong Sapu Bersih di Kampung Telaga Batin, di sini.

Program yang disertai seramai 50 penuntut itu turut mendapat sambutan dan kerjasama menggalakkan daripada penduduk kampung.

Menurut Erewan Effenddy,

sokongan daripada peniaga memainkan peranan penting bagi menjayakan usaha mengurangkan pencemaran alam sekitar.

"Apa yang diharapkan pada program ini adalah kerjasama dan pembabitan daripada semua pihak.

"Kejayaan tidak akan dicapaikan tanpa adanya sokongan berterusan daripada semua, oleh itu, kesedaran dalam diri setiap individu adalah faktor terpenting yang perlu dipikul secara bersama," katanya.